



KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
26 Februari 2018

PNB DAN BANK MUAMALAT TAWAR SKIM PEMBIAYAAN KHAS ASB UNTUK ANGGOTA TENTERA DAN POLIS

KUALA LUMPUR:- Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) dengan kerjasama Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan menawarkan Skim Pelaburan Khas untuk memudahkan anggota dan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta ahli Koperasi Polis Diraja Malaysia (KPDRM) melabur dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB).

Skim Pelaburan Khas ASB yang ditawarkan Bank Muamalat ini menyediakan pakej pembiayaan untuk tempoh 5 dan 10 tahun bagi anggota dan veteran ATM dan 10 tahun untuk anggota KPDRM.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, berkata skim ini ditawarkan untuk menggalakkan warga ATM dan PDRM melabur dan membina tabungan yang kukuh menerusi pelaburan dalam ASB.

“Menerusi skim ini, warga ATM dan PDRM boleh melabur dalam ASB dengan membayar ansuran bulanan tetap yang berpatutan kepada Bank Muamalat. Ini merupakan satu kaedah ‘forced saving’ (simpanan paksaan) yang kita yakin mampu membantu mereka untuk mempunyai tabungan kukuh dalam ASB.

“Dengan kaedah ‘forced saving’ ini, pelabur dapat membentuk disiplin pelaburan berkala yang lebih berkesan untuk jangka panjang, seterusnya menikmati manfaat pengembangan pelaburan daripada kuasa faedah kompaun,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sehubungan itu, agihan pendapatan tahunan ASB yang diperoleh pelabur tidak boleh dikeluarkan sehingga tamat tempoh pembiayaan.

Bagi memastikan pelabur tidak berasa terbeban, jumlah ansuran bulanan yang dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada gaji kasar mereka.

Ini kerana menerusi skim khas ini, jika pelabur mengambil kemudahan pembiayaan sebanyak RM70,000.00, mereka hanya perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM218.00 untuk tempoh 10 tahun, yang mampu dibiayai oleh pelabur.

Berdasarkan andaian pulangan purata tahunan ASB ialah 7 peratus, pelabur akan mempunyai jumlah tabungan terkumpul antara RM55,000 hingga RM58,000 pada akhir tempoh pembiayaan.

ASB ialah unit amanah harga tetap yang ditawarkan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat unit amanah PNB.

Mengulas kemudahan pembiayaan khas yang ditawarkan ini, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Bin Raja Mohamed Noor, Panglima Angkatan Tentera, berkata, pihak ATM mengucapkan ribuan terima kasih kepada PNB kerana memberi ruang kepada anggota dan veteran ATM untuk melabur di dalam skim pelaburan khas ASB ini melalui Bank Muamalat.

“Anggota dan veteran ATM boleh memilih untuk melabur dengan modal serendah RM2,000 bagi pembiayaan 14,000 unit saham amanah sehingga maksimum RM20,000 bagi pembiayaan 140,000 unit saham amanah.

“Skim pembiayaan khas ini merupakan inisiatif, Menteri Pertahanan Malaysia, YB Dato’ Seri Hishammuddin Hussein untuk menggalakkan budaya menabung dan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan warga ATM selaras dengan hasrat menjadikan ATM sebagai sebuah ‘caring organization,’ katanya.

Sebagai permulaan, ATM menyasarkan seramai lebih 40,000 anggota serta veteran ATM akan melanggan skim ini untuk tahun 2018.

Skim pembiayaan khas ini dijadual dilancarkan oleh YB Dato’ Seri Hishammuddin pada 27 Februari 2018.

Sementara itu mengulas mengenai skim ini, Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato’ Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata PDRM amat berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, yang memberi sokongan penuh kepada Skim Pembiayaan Khas ASB untuk Pasukan Keselamatan ini.

“Jelasnya, pihak Kerajaan amat perihatin dan menghargai pengorbanan anggota polis dalam menjaga keselamatan, keamanan dan kedaulatan negara. InsyaAllah, skim khas ini akan dilancarkan dengan rasminya pada 25 Mac 2018, bersempena dengan Sambutan Peringatan Hari Polis Ke 211,” katanya. KPDRM menganggarkan seramai lebih 20,000 ahli akan melanggan skim ini untuk tahun 2018.

- Tamat -

Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) yang kini mencapai lebih RM279 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Pengurus Dana iaitu ASNB adalah anak syarikat unit amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB ditubuhkan pada 22 Mei 1979 sebagai syarikat pengurusan unit amanah di bawah PNB. Setelah lebih daripada 30 tahun berada dalam industri, ASNB kini mengurus 12 dana yang bernilai RM207.398 bilion pada tarikh catatan terakhir.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad